



TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN HARI POTENSI TABIKA KEMAS
PERINGKAT KEBANGSAAN 2023**

TARIKH/MASA

**3 NOVEMBER 2023 (JUMAAT)
MASA KETIBAAN: 8.45 MALAM**

LOKASI

**DATARAN KEMERDEKAAN SHAH ALAM
SELANGOR**

Terima Kasih Saudara dan Saudari Pengerusi Majlis
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan.

SALUTASI

(Akan diberikan pada hari program)

PENDAHULUAN

1. **Anak-anak merupakan hibah dan anugerah** daripada Allah SWT kepada kita semua sebagaimana difirmankanNya di dalam surah al-Syura, ayat 49:

يَهَبُ لِمَنْ يَشَاءُ إِنَاثًا وَيَهَبُ لِمَنْ يَشَاءُ الذُّكُورَ

“Ia mengurniakan anak-anak perempuan kepada sesiapa yang dikehendakiNya, dan mengurniakan anak-anak lelaki kepada sesiapa yang dikehendakiNya.”

2. Anak-anak adalah amanah Allah S.W.T yang telah diserahkan kepada ibubapa untuk dijaga dan dipelihara, serta membimbing mereka ke arah kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Anak-anak adalah penghibur hati, penyejuk jiwa, juga satu nikmat Allah yang sangat membahagiakan. Menjadi tugas dan tanggungjawab

kitasebagai ibu bapa, dan juga sebahagiannya adalah para pendidik untuk membimbing dan memerlihara amanah ini dengan sebaik-baiknya.

3. Justeru, dalam usaha untuk memenuhi tanggungjawab ini, saya begitu teruja kerana dapat bersama pada hari ini di dalam **Program Hari Potensi Kanak-Kanak TABIKA KEMAS Peringkat Kebangsaan kali ke-18**, yang menghimpunkan seramai 2,300 orang anak-anak, bakal pemimpin masa hadapan negara dari seluruh negara.
4. Saya melihat bahawa program ini yang **bertemakan 'Mencorak Sahsiah Generasi Era Digital Merentas Seni'**, sangat signifikan dalam membentuk perwatakan kanak-kanak era digital tanpa mengenenepikan pembentukan akhlak, memiliki kekuatan moral dan berintegriti, selari dengan keperluan kemahiran abad ke-21.

LATAR BELAKANG PROGRAM

Saudara dan saudari sekalian,

5. Saya difahamkan program hari ini, merupakan aktiviti ko-kurikulum TABIKA secara tahunan yang bermula sejak tahun 2006 lagi, melibatkan kanak-kanak **seawal usia 5**

dan 6 tahun. Program ini bertujuan **mencungkil bakat dan minat, memupuk nilai murni, membentuk keyakinan diri, kreativiti dan estetika,** serta **menghargai warisan budaya** dalam kalangan kanak-kanak selaras dengan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

6. Jika kita lihat, memang benar pendidikan yang berfokuskan kemajuan akademik semata-mata tanpa penglibatan kegiatan kokurikulum merupakan satu kerugian besar terhadap potensi perkembangan anak-anak. Kombinasi ini sememangnya perlu digabung padukan bersama bagi melahirkan anak-anak yang seimbang dari segenap sudut.

7. Saya ingin mengajak saudara dan saudari semua untuk mengimbas kembali **kejayaan Dr. Nur Amalina Che Bakri, yang mencatat rekod cemerlang 17-A1 dalam peperiksaan Sijil pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2004.** Kejayaan beliau bukanlah kerana keupayaannya menjawab kertas soalan semata-mata, malahan prestasinya turut dijana oleh keunggulan peribadi, kesungguhan, disiplin, dan tekad yang membara, di samping pembinaan karakter yang menjadikan dirinya boleh digambarkan sebagai *“towering personality”*.

8. Saya berkata demikian kerana, seusia mudanya Dr. Nur Amalina ini, beliau kerap kali menyertai pertandingan sayembara deklamasi puisi dan lagu, syarahan, pidato, bercerita, kuiz, melukis, menggubah, bersajak, dan sebagainya. Inilah nilai tambah yang telah membentuk peribadi untuk melakar kejayaan manis dalam hidupnya.

9. Oleh itu, tidak mustahil di kalangan anak-anak KEMAS juga dapat melahirkan seorang **mukmin yang hebat dan professional**, dengan asbab penganjuran Hari Potensi Kanak-kanak TABIKA KEMAS ini demi kecemerlangan potensi dan sahsiah kanak-kanak. Syabas! dan Tahniah! saya ucapkan.

PERKEMBANGAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Saudara dan saudari sekalian,

10. Ternyata, masyarakat Malaysia kini sangat beruntung kerana kerajaan sentiasa menyediakan peruntukan berskala besar bagi memastikan setiap rakyat terutama masyarakat desa mendapat pendidikan yang berkualiti, selaras dengan Hala Tuju Strategik KKDW 2023, iaitu meningkatkan pendidikan berkualiti dan mampan.

11. Saya ingin mengulangi dan menegaskan bahawa, kerajaan tidak pernah mengabaikan sektor pendidikan, malah sentiasa kekal sebagai komponen utama yang terpenting.
12. Jelas kita lihat baru-baru ini, **Kerajaan Perpaduan pimpinan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim menerusi belanjawan 2024 telah memberikan perhatian terhadap Pendidikan Awal Kanak-Kanak**, dengan memperuntukkan sebanyak RM586 juta kepada Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) melalui KKDW.
13. Melalui peruntukan ini, kementerian dapat menaik taraf premis Pendidikan Awal Kanak-kanak KEMAS, pembinaan TABIKA dan TASKA baharu serta pelaksanaan Program PraTahfiz KEMAS, dengan sasaran melahirkan 100,000 hufaz cilik menjelang tahun 2026.
14. Maka, besarlah harapan saya dengan adanya peruntukan ini, agar aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) akan lebih cemerlang, ko-kurikulum yang mantap dan kemudahan infrastruktur yang kondusif demi membangunkan potensi kanak-kanak yang mengikuti pendidikan KEMAS dapat dibentuk keperibadian mereka secara holistik.

15. Justeru, saya percaya semua inisiatif yang dilaksanakan untuk manfaat kanak-kanak pada hari ini merupakan satu pelaburan utama, dan penting dalam segala aspek kehidupan kerana ianya akan memberi impak pada masa hadapan negara.
16. Pada masa yang sama, saya ingin menyeru agar usaha ini turut melibatkan kerjasama dalam semua peringkat akar umbi, bermula dari ibu bapa, keluarga, dan komuniti masyarakat bagi memaksimumkan potensi kanak-kanak. Dengan adanya komitmen daripada semua pihak, hasrat negara dalam membangun modal insan desa secara komprehensif ke arah memenuhi potensi kanak-kanak sepenuhnya akan dapat direalisasikan.

HARAPAN NEGARA BANGSA

Saudara dan saudari sekalian,

17. Kita perlu sedari bahawa Malaysia perlu bergerak lebih pantas agar tidak ketinggalan dalam arus kemodenan. Kita perlu menjadi sebuah negara bangsa berdaulat yang mempunyai acuan tersendiri, serta berupaya untuk membentuk masyarakat majmuk yang sejahtera serta harmoni.

18. Sewajarnya, anak-anak muda pada masa kini perlu **terhindar daripada terjerumus dengan ideologi yang sempit dan merosakkan minda**. Mereka perlu didedahkan dengan pemikiran yang berdaya saing, serta sentiasa **berlumba-lumba untuk mencapai kejayaan** yang cemerlang.
19. Oleh itu, dedikasi saya buat wira cilik permata hati yang hebat lagi berpotensi di hadapan ini, ayuh kita penuhkan zaman kanak-kanak ini dengan **pengalaman indah, mencuba dan melakukan perkara yang membawa manfaat kepada diri sendiri dan orang sekeliling**. Sebagai ibu bapa dan pendidik, kita perlu sedar bahawa anak-anak ini sentiasa menagih kata nasihat dan panduan daripada kita semua, jangan sampai kita kita terlepas pandang elemen kecil ini yang besar impaknya kepada anak-anak ini.
20. Saya juga ingin berpesan, terapkanlah penerapan nilai-nilai murni dan adab susila yang terpuji dalam mendidik dan mentarbiah anak-anak. **Bagaimana acuan, begitulah kuihnya, anak-anak perlu dibentuk dengan acuan yang betul supaya kita dapat membina Malaysia yang maju, harmoni dan berdaulat**.

21. **Ibarat melentur buluh biarlah dari rebungunya**, peranan **generasi muda** hari ini harus diangkat dan diperkasa dengan nilai-nilai yang positif kerana mereka ini **bakal mencorakkan hala tuju negara**.

PENUTUP

Saudara dan saudari sekalian,

22. Mengakhiri bicara, sekali lagi saya ingin menzahirkan rasa bangga dan merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua pihak yang sudimeluangkan waktu, untuk sama-sama memeriahkan majlis pada malam ini.

23. Tidak dilupakan ucapan tahniah dan syabas kepada pihak KEMAS di atas kejayaan yang telah dicapai sehingga hari ini, semoga momentum kecemerlangan ini dapat dikekalkan dan ditambah baik, dan semoga usaha ini sentiasa dirahmati oleh Allah S.W.T.

24. Akhir kata, **dengan lafaz Bismilahirrahmanirahim, saya merasmikan Hari Potensi TABIKA KEMAS Peringkat Kebangsaan Tahun 2023**.

**Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah, Wassalamuaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.**